

# 'Tidak patut berlaku'

*Kem Azmin sepatutnya fokus kepada dasar kerajaan, bukan hentam pemimpin*

NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

**S**etausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail membidas beberapa pemimpin parti itu yang terus menyerang Presiden parti, Datuk Seri Anwar Ibrahim secara terbuka.

Menurutnya, penganjuran majlis makan malam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 di sebuah hotel di Kuala Lumpur malam kelmarin didakwa menjadi pentas menghentam Anwar semata-mata.

"Saya pun baru tahu semalam (kelmarin) tentang perjumpaan WKB 2030 ini.

"Saya pun tidak tahu sama ada tajuk itu dikupas, tapi yang saya baca daripada laporan media ialah ucapan pemimpin parti dan penjelasan Kemakmuran Bersama itu iaitu ekonomi Malaysia akan lebih makmur kalau Anwar terus diserang.

"Itu yang saya faham (berdasarkan ucapan pemimpin)," katanya secara sinis kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini semalam.

Sementara itu, ditanya mengenai tindakan pemimpin yang menganjurkan majlis berlainan bagi menj-



Saifuddin ketika bercakap kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) semalam.

wab ketidakpuasan hati terhadap Kongres Nasional PKR yang berlangsung di Melaka, Saifuddin Nasution berkata, perkara itu tidak sepatutnya berlaku.

"Kongres parti (PKR) hanya satu, pada saya lebih baik ucapan dibuat pada majlis penggulungan. Itu tindakan yang lebih tepat.

"Tidak manis jika tidak hadir penggulungan tapi buat (majlis bagi menjawab isu kongres) di tempat lain," katanya.

Katanya, isu yang dibangkitkan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkenaan perkara yang boleh dan tidak boleh disentuh pada kongres itu juga tidak sewajarnya berlaku.

"Tidak pernah jadi tradisi (PKR) apa yang boleh dibuat dan apa yang tidak boleh. Kita tidak buat begitu seperti UMNO. Sebab itu parti kita reformasi," katanya.

Malam kelmarin, Azmin bersama beberapa pemimpin daripada 'kemnya' hadir ke majlis makan malam yang disertai ribuan ahli dan penyokongnya.

Turut hadir, tiga Naib Presiden PKR, Zuraida Kamaruddin, Tian Chua dan Ali Biju; Ahli Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR, R Sivarasa; Ketua Wanita PKR, Haniza Mohamed Talha; Timbalan Ketua Wanita PKR, Dr Darayah Alwi dan Timbalan Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK), Muhammad Hilman Idham.

Sabtu lalu, pertikaian antara Azmin dan Anwar semakin panas apabila Ahli Parlimen Gombak itu bersama penyokongnya bertindak keluar dewan ketika Kongres Nasional PKR sedang berlangsung.

Selain itu, Saifuddin Nasution turut memberitahu bahawa Anwar lebih bersikap terbuka untuk berdamai dengan kumpulan Mohamed Azmin daripada mengambil tindakan disiplin.

Katanya, Anwar bersedia duduk berbincang bagi menangani masalah melanda di peringkat dalaman parti.

Bagaimanapun, katanya, ahli-ahli parti yang hadir dalam kongres dilihat tidak boleh menerima mana-mana pemimpin yang gagal mematuhi disiplin organisasi.